



KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Telefon : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 3382

Rujukan : JPM.KSN.600-21/1

Tarikh : 27 Oktober 2014

YBhg. Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Lebuh Wawasan, Presint 7,

62250 PUTRAJAYA.

YBhg. Dato',

**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS
KEJAYAAN DALAM PENGANJURAN PERSIDANGAN DWI
TAHUNAN COMMONWEALTH ASSOCIATION FOR PUBLIC
ADMINISTRATION AND MANAGEMENT (CAPAM) 2014**

Sebagaimana yang pihak YBhg. Dato' sedia maklum, Persidangan Dwi Tahunan *Commonwealth Association For Public Administration And Management* (CAPAM) 2014 yang disempurnakan oleh YAB. Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri telah berjaya diadakan dengan gilang-gemilang pada 18 hingga 21 Oktober 2014 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Kejayaan penganjuran Persidangan tersebut adalah hasil komitmen, kerjasama dan kolaborasi strategik pelbagai jabatan dan agensi perkhidmatan awam Malaysia baik di peringkat persekutuan mahupun negeri.

2. Saya amat berbangga di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua penjawat awam di bawah seliaan YBhg. Dato' dalam menjayakan penganjuran Persidangan ini yang telah meninggalkan impak yang besar kepada Perkhidmatan Awam negara khususnya, dan kenangan manis kepada delegasi dalam dan luar negara umumnya.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama pihak YBhg. Dato' dalam menjayakan Penganjuran Persidangan tersebut.